

11/09/2000

Fuad dijangka Presiden TNB

Abdul Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Ahad - Bekas Pengarah Eksekutif dan Naib Presiden Kanan (Bekalan Tenaga) Tenaga Nasional Bhd (TNB), Datuk Fuad Jaafar, dijangka dilantik sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) syarikat gergasi utiliti tenaga negara itu.

Fuad kini memangku jawatan yang dikosongkan Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali, sementara menunggu pelantikan rasmi oleh kerajaan, selaku pemegang saham utama dalam TNB.

Sumber berkata, agak sukar untuk mencari tokoh sesuai di luar TNB untuk mengisi jawatan CEO dan pelantikan 'orang dalam TNB' sendiri dianggap sebagai pilihan tepat dan Fuad juga mempunyai pengalaman luas selama 23 tahun di TNB.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata buat masa ini kerajaan belum ada calon untuk jawatan CEO itu "dan kalau tak ada kita kena cari orang lain."

Perdana Menteri juga tidak menetapkan tempoh pengisian jawatan itu kerana sudah ada yang memangku jawatan berkenaan iaitu Fuad.

Sumber itu percaya kerajaan akan mengumumkan nama CEO baru itu dalam tempoh yang singkat "dan saya percaya Fuad mendahului senarai kerana sokongan kuat Lembaga Pengarah TNB kepada beliau untuk terus menyandang jawatan yang dipangkunya itu".

Satu sumber lain yang rapat dengan pasaran saham pula menolak andaian kononnya langkah untuk tidak menyambung kontrak Dr Tajuddin yang tempohnya tamat 31 Ogos lalu, menyebabkan harga saham TNB jatuh.

Malah, katanya, pelantikan Ahli Parlimen Rompin, Datuk Dr Jamaludin Jarjis sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif TNB, tidak ada kena mengena dengan kejatuhan saham TNB.

"Kejatuhan harga saham TNB daripada RM11.90 sesaham kepada RM10.90 Isnin lalu adalah kerana jangkaan pengurus dana asing mengenai kemungkinan tarif elektrik dinaikkan pada akhir tahun ini.

"Ramalan penganalisis bahawa kejatuhan itu kerana pelantikan Dr Jamaludin sebagai Pengerusi baru TNB adalah kurang tepat. Jika betul kerana pelantikan itu, mengapa harga saham TNB tidak jatuh ketika beliau diumumkan sebagai Timbalan Pengerusi TNB sebulan lalu?" katanya.

Penganalisis pasaran saham ketika dihubungi berkata, pengurus dana asing mula membeli saham TNB kerana ramalan mereka bahawa kadar tarif akan dinaikkan menjelang akhir tahun ini, semata-mata untuk mengaut keuntungan.

Katanya, sentimen itu menyebabkan saham TNB menjunam apabila diumumkan kadar elektrik tidak akan dinaikkan tetapi kebetulan pada masa yang sama, pengumuman mengenai penolakan jawatan CEO oleh Dr Tajuddin dan pelantikan Dr Jamaluddin selaku pengerusi.

Penganalisis itu berkata, pengurus dana sudah mula membuat syor pembelian saham TNB pada Julai dan Ogos lagi dengan jangkaan kadar tarif elektrik akan naik. Sementara itu, sumber TNB menjelaskan tawaran jawatan Presiden dan Ketua Eksekutif kepada Dr Tajuddin dibuat oleh Kementerian Kewangan pada 1 September lalu dan mesyuarat Lembaga Pengarah TNB hanya mengesahkan tawaran itu pada 5 September lalu.

Katanya, keputusan tawaran kepada Dr Tajuddin itu bukan dibuat oleh pihak lembaga pengarah tetapi oleh kerajaan melalui Kementerian Kewangan.

Kelmarin, Dr Jamaludin mengumumkan bahawa Dr Tajuddin menolak tawaran jawatan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB.

Penganalisis sebelum ini menyatakan tawaran itu seolah-olah mahu

menyejukkan hati pelabur bahawa TNB akan terus diketuai orang korporat yang berkeupayaan.

(END)